

Bukti Pas tak amalkan ajaran Islam sebenar — PM

Fitnah 'buang Islam'

Oleh MOHD. ZAINI HASSAN
dan ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan tindakan Pas melakukan fitnah dengan memutarbelitkan cadangan UMNO yang mahu perkataan Islam digugurkan daripada nama parti pembangkang itu sebagai "tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar."

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berkata, tindakan Pas sudah jelas membuktikan bahawa parti itu tidak layak menggunakan perkataan Islam kerana perbuatan putar belit itu sama sekali tidak diizinkan di dalam Islam.

[Lagi berita dan
gambar di muka 2]

"Kalau benar Pas memegang ajaran Islam, dia tidak akan memutarbelitkan keputusan UMNO (yang mahu perkataan Islam digugurkan dan bukannya membuang Islam) tetapi jelas sekali ia memutarbelitkan keputusan UMNO dengan berkata bahawa UMNO membuat keputusan untuk membuang Islam," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Ibu Pejabat UMNO, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, UMNO amat dukacita kerana Pas tetap akan memfitnah perkara itu dan ini jelas sekali apabila ia mengeluarkan poster menjemput orang ramai ke majlisnya bertajuk *Buang Islam*.

Beliau menjelaskan, ceramah dan perjumpaan itu bertujuan untuk membincangkan keputusan UMNO itu dan ini memberi gambaran bahawa UMNO menyuruh Pas membuang Islam.

Dr. Mahathir menegaskan, rakyat harus memberi perhatian serius terhadap cadangan UMNO kerana apa yang hendak dilakukan oleh UMNO ialah menggugurkan perkataan Islam pada Pas dan bukannya menggugurkan agama Islam.

"Kita tidak suruh gugur Islam, kita cuma suruh gugurkan perkataan Islam dalam nama Pas dan perkara ini perlu ditegaskan

■Lihat muka 4

Fitnah 'buang Islam'

supaya tidak ada lagi salah faham dan salah sangka terhadap niat UMNO," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, UMNO adalah parti orang Islam dan sama sekali tidak pernah mencadangkan kepada sesiapa supaya agama Islam dibuang atau digugurkan.

"Kita dapati bahawa Pas tidak berhak mengambil nama Islam bagi parti nya terutamanya sekali apabila jelas ternampak Pas tidak mengamalkan ajaran Islam dan bukti yang terakhir ialah dengan memutarbelitkan keputusan UMNO," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, pada masa ini kerajaan berpendapat rakyat perlu diberi penjelasan berhubung fitnah yang dilemparkan oleh Pas itu.

Katanya, pembohongan yang dibuat oleh pemimpin Pas harus dikikiskan dahulu.

"Jika tidak ia akan dijadikan isu politik oleh Pas kerana ini memang tabiat Pas menjadikan isu yang tidak ada isu," katanya.

Ditanya mengenai agenda bagi menyatukan ummah berikutan tindakan yang dilakukan oleh Pas ini, Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan sentiasa berusaha untuk menyatukan umat Islam di Malaysia kerana ini kehendak agama dan juga meletakkan orang Melayu di bawah satu payung.

"Tetapi kita tahulah fitnah yang sering dilemparkan oleh parti lawan semata-mata kerana kepentingan politik parti mereka," katanya.

Beliau menambah kata, walaupun dunia Islam dan bukan Islam mungkin menganggap Malaysia sebagai contoh terbaik daripada segi perpaduan, pentadbiran dan kejayaan umat Islam tetapi parti lawan seperti Pas tidak mengakui perkara itu sebaliknya lebih menumpukan kepada kepentingan politik parti berkenaan.

"Untuk memberi kemenangan kepada parti Pas, ia mesti melemparkan fitnah dan tohmahan serta menafikan kejayaan kerajaan dan Malaysia dan menafikan kebolehan orang Islam kerana yang penting bagi Pas ialah memenangi pilihanraya," katanya.

Cadangan supaya kerajaan menggugurkan perkataan Islam pada nama Pas telah dikemukakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO dalam persidangan tahunannya pada 17 November lalu.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO keesokan harinya menegaskan, sebarang percubaan oleh UMNO untuk membatalkan kelulusan yang diperolehi daripada penjajah itu (perkataan Islam kepada Pas), akan digunakan oleh pemimpin parti itu sebagai isu politik yang besar.

"Mereka akan menuduh UMNO mengharamkan Islam dan bukannya penggunaan perkataan 'Islam' dalam nama parti itu," katanya pada ucapan tersebut.

Dr. Mahathir menjelaskan, walau sejauhmana sekalipun parti itu menyelenggara ia masih mempunyai penyokong yang bersedia mengecap kerajaan sebagai anti Islam jika tindakan diambil supaya digugurkan perkataan Islam daripada nama parti tersebut.

Jangkaan Dr. Mahathir berhubung sikap Pas yang akan memutarbelitkan cadangan UMNO itu menjadi kenyataan apabila Pas mengeluarkan poster menjemput orang ramai ke majlis ceramah dan perjumpaan mereka dengan menamakan tajuk majlis itu sebagai "BUANG ISLAM, PAS JAWAB UMNO."

Poster ini memberi gambaran bahawa UMNO berniat 'membuang Islam' sedangkan isu yang dibangkitkan dari usul yang dibawakan oleh Pemuda UMNO ialah membuang perkataan 'Islam' daripada nama parti politik bagi mengelakkan agama disalahgunakan.